



KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

PTPTN BANTU PELAJAR ASNAF DI IPT

1. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) terus menunaikan tanggungjawab untuk menyantuni golongan asnaf menerusi program tanggungjawab sosial korporat (CSR) dan zakat korporat PTPTN. Terkini, PTPTN bekerjasama dengan Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan (MPPK) untuk membantu pelajar-pelajar asnaf yang sedang melanjutkan pengajian di Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Usaha ini selaras dengan peranan PTPTN sebagai tabung pendidikan utama negara serta salah sebuah agensi di bawah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang sentiasa cakna dengan keperluan pelajar IPT.
2. Menerusi kerjasama PTPTN dengan MPPK tersebut, PTPTN telah memperuntukkan sebanyak RM148,000 melalui zakat PTPTN untuk membantu seramai 1,480 pelajar asnaf daripada 37 IPT di seluruh negara. Pelajar asnaf yang terlibat akan menerima RM100 setiap seorang berupa simpanan dalam akaun Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i). MPPK akan menyalurkan maklumat pelajar asnaf yang terlibat kepada PTPTN berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) IPT masing-masing bagi memastikan sumbangan ini dapat disalurkan kepada pelajar yang layak.
3. Sumbangan dalam bentuk replika kad telah disampaikan oleh Datuk Wan Saiful Wan Jan, Pengerusi PTPTN kepada Saudara Muhammad Amir Asyraf bin Mohd Sabri, Presiden MPPK yang merupakan wakil pelajar yang menerima sumbangan. Turut hadir, Encik Ahmad Dasuki bin Abdul Majid, Ketua Eksekutif PTPTN dan Dr. Mohd Suzeren bin Md Jamil, Pengarah Bahagian Mahasiswa Holistik, Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), KPT merangkap Penasihat MPPK.
4. Datuk Wan Saiful Wan Jan, Pengerusi PTPTN berkata, "PTPTN memahami kesusahan yang dialami pelajar-pelajar asnaf yang menuntut di IPT. Bantuan yang diberikan sedikit sebanyak dapat membantu pelajar-pelajar meneruskan pengajian mereka. Dengan pelbagai cabaran yang datang terutama pandemik COVID-19 yang masih belum reda dan situasi ekonomi yang melanda negara, harapan saya agar pelajar dapat meneruskan pengajian dengan baik. Alhamdulillah, dengan kerjasama MPPK sebagai badan perwakilan pelajar yang menjaga kebajikan pelajar, PTPTN dapat merealisasikan hasrat untuk membantu golongan pelajar asnaf terlibat."

5. Sementara itu, Saudara Muhammad Amir Asyraf bin Mohd Sabri, Presiden MPPK berkata, “MPPK ingin menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pihak PTPTN khasnya kepada Yang Berbahagia Datuk Wan Saiful Wan Jan, Pengerusi PTPTN di atas inisiatif yang telah diadakan ini bagi membantu golongan asnaf dalam kalangan pelajar di IPT. MPPK amat menyambut baik dan bersyukur atas usaha ini terutamanya semasa situasi negara dilanda pandemik COVID-19 kerana ia dapat membantu meringankan beban kewangan pelajar.”

6. Jalinan kerjasama PTPTN dengan MPPK akan diperluaskan lagi demi kebajikan para pelajar. Diharapkan pemberian sumbangan daripada PTPTN ini bukan sahaja dapat memberi manfaat kepada para pelajar di IPT dan mampu mengurangkan beban kewangan mereka yang memerlukan malah mampu menyemai kesedaran penabungan dan mendidik literasi kewangan yang baik dalam kalangan pelajar.